

Kupasan Prosa Tradisional:
ASAL PADI

SINOPSIS

Mengisahkan kehidupan dua orang anak yatim piatu yang masih kecil dan telah ditinggalkan oleh kedua-dua orang tuanya. Mereka hidup melarat kerana segala harta peninggalan orang tuanya dicuri orang. Hanya yang tinggal sebuah kolam ikan dan dijaga oleh mereka siang dan malam. Anak sulung sudah besar, namun cacat, kakinya kerekut, jejari kakinya bercantum umpama kaki itik dan tumitnya pula berlubang.

Pada suatu hari Si Bongsu melihat ke kolam dan mendapati ada tujuh wanita sedang mandi dan bersiap untuk pulang ke kayangan. Si Bongsu itu ingin mengikut wanita itu ke kayangan. Apabila sampai di kayangan, ke tujuh wanita itu menghilangkan diri dan Si Bongsu telah melihat sebuah dusun berkilau seperti emas. Namun setelah diberitahu oleh penjaga dusun itu, emas itu sebenarnya padi. Si Bongsu ingin meminta sedikit padi tetapi tidak dibenarkan oleh penjaga dusun itu, tetapi hanya dibenarkan merasa makanan tersebut. Setelah merasa keenakkan makanan tersebut, Si Bongsu telah memasukkan padi di dalam mulutnya dan melarikan diri namun dapat ditangkap oleh penjaga dusun sehingga tumitnya luka. Si Bongsu tidak dapat balik ke bumi kerana kakinya sakit dan meminta bekerja dengan penjaga dusun itu.

Setelah sekian lama Si Bongsu menjaga padi, dia tetap mencari akal untuk mengambil padi, lalu diambil segenggam dan disembunyikannya padi itu di dalam lubang luka pada tumitnya. Dia kemudian meminta izin untuk pulang ke bumi. Dia juga mengatakan telah bertaubat dan tidak mahu mengambil apa-apa lagi. Penjaga padi percaya akan kata-kata Si Bongsu lalu membenarkannya pulang ke bumi. Sampai di bumi, Si Bongsu menanam padi tersebut dan telah menghasilkan padi yang baik. Namun, sebaik sahaja padi di bumi membuahkan hasil, padi di kayangan pula tidak menjadi, menyebabkan budaya hidup padi di kayangan telah hilang.

Empunya padi telah menghantar burung pipit untuk menyiasat sama ada padi hidup di bumi. Apabila burung pipit sampai di bumi, dilihat padi sedang masak dan berbuah lebat. Burung pipit mengambil kesempatan memakan padi tersebut dan apabila pulang ke kayangan dia melaporkan tiada tanaman padi di bumi. Namun empunya padi tidak percaya dengan kata-kata burung pipit lalu menghantar pula Si Tekuri. Si Tekuri akan membunuh pipit jika di bumi ada padi. Apabila sampai di bumi Si Tekuri mendapati burung pipit berkata bohong, lalu Si Tekuri berkelahi dengan burung pipit. Dalam pertarungan itu pipit telah kalah lalu kerongkongnya disepit kuat dan temboloknya telah beralih ke arah tengkuknya. Itulah sebabnya tembolok burung pipit berada di tengkuknya.

PLOT

Binaan Plot

(a) Permulaan – Mengisahkan sepasang suami isteri yang banyak memiliki harta. Suami isteri tersebut telah meninggal dunia. Mereka meninggalkan _____ orang anak yatim piatu yang masih kecil. Anak sulung yang bernama Si Bongsu sudah agak besar tetapi kakinya cacat.



(b) Perkembangan – Si Bongsu bertemu dengan _____ orang puteri yang sedang mandi di kolam ikannya. Si Bongsu meminta izin untuk mengikuti ketujuh-tujuh orang puteri itu ke kayangan. Setiba di kayangan, kesemua puteri itu hilang. Si Bongsu berasa kusut. Tiba-tiba, Si Bongsu melihat benda berwarna kuning sedang dijemur di sebuah _____. Pada sangkaan Si Bongsu benda kuning itu ialah emas. Empunya memberitahu Si Bongsu benda kuning itu sebenarnya _____. Si Bongsu meminta sedikit padi untuk ditanam di bumi. Permintaan Si Bongsu tidak diperkenankan, sebaliknya dia diberi _____ untuk merasai keenakan nasi tersebut.



(c) Klimaks – Si Bongsu mencuri segenggam padi lalu dimasukkan ke dalam _____. Empunya padi itu telah mengejar Si Bongsu. Empunya padi telah menangkap Si Bongsu di tangga pelangi dan membanting Si Bongsu sehingga menyebabkan tumitnya _____. Si Bongsu merayu kepada empunya padi untuk mengikutnya ke kayangan. Si Bongsu sanggup menjadi hamba kepada empunya padi itu. Dia tidak dibenarkan melakukan pekerjaan lain kecuali menjaga dan mengawasi _____ yang sedang dijemur. Setelah beberapa lama berada di kayangan, Si Bongsu mendapat akal untuk menyorokkan beberapa butir padi di _____ di tumitnya. Kemudian, Si Bongsu meminta izin pulang ke bumi. Permintaannya diperkenankan oleh empunya padi itu setelah yakin bahawa Si Bongsu tidak mencuri padi di kayangan.



(d) Peleraian – Si Bongsu tiba di bumi dengan selamat. Si Bongsu pun menanam padi dan mengeluarkan hasil yang menyenangkan. Sebaliknya, padi di kayangan tidak ada daya hidup. Empunya padi itu menghantar _____ ke bumi untuk melihat sama ada padi ada ditanam atau tidak. Burung pipit memberitahu empunya padi bahawa tiada padi yang ditanam di bumi. Empunya padi tidak mempercayai kata-kata burung pipit itu. Dia menghantar _____ dan burung pipit ke bumi semula. Akhirnya, burung pipit dibunuh oleh Si Tekuri kerana berbohong kepada empunya padi.